FAQ Pakej Pembelajaran INTAN-COURSERA

1. S : Siapakah yang boleh memohon INTAN-Coursera?
   J : INTAN-Coursera adalah terbuka kepada semua penjawat awam. Semua permohonan yang diterima akan didaftarkan, tertakluk kepada kuota 2,500 lesen.

2. S : Adakah semua kursus di dalam INTAN-Coursera adalah percuma?
   J : Ya, semua kursus adalah percuma tertakluk kepada pakej pembelajaran yang dilanggan oleh INTAN sahaja.

3. S : Di manakah saya boleh memohon INTAN-Coursera?
   J : Permohonan boleh dibuat melalui https://www.dtims.intan.my/coursera

4. S : Berapa lamakah masa diambil untuk saya menerima jemputan INTAN-Coursera?
   J : Sekurang-kurangnya dalam tempoh 3 hari bekerja daripada tarikh permohonan.

5. S : Bolehkah saya mendaftar lebih daripada 1 kursus pada satu-satu masa?
   J : Boleh. Peserta boleh mendaftar lebih daripada 1 kursus pada satu-satu masa dan boleh mengikuti kursus pada bila-bila masa.

6. S : Bolehkah kursus INTAN-Coursera dikira dalam bilangan hari berkursus?
   J : Boleh. Jumlah jam adalah berdasarkan tempoh jam yang dinyatakan pada keterangan kursus. 6 jam kursus bersamaan dengan 1 hari kursus.

7. S : Saya telah mendaftar INTAN-Coursera pada tahun sebelum ini. Adakah saya perlu mendaftar semula?
   J : Ya. Langganan INTAN-Coursera ini adalah langganan secara tahunan. Peserta perlu mendaftar semula pada tahun berikutnya sekiranya masih berminat.

8. S : Adakah semua kursus yang ditawarkan menjurus kepada kursus berkaitan digital sahaja?
   J : Tidak. Terdapat 11 bidang kursus dari pelbagai pengkhususan yang ditawarkan antaranya Arts and Humanities, Math and Logic, Personal Development.

9. S : Saya telah memohon INTAN-Coursera tetapi masih belum menerima emel jemputan.
   J : Terdapat kemungkinan emel jemputan dari INTAN-Coursera telah disekat oleh konfigurasi emel di agensi. Sekiranya emel jemputan masih belum diterima selepas tempoh 3 hari bekerja, sila hubungi Penyelaras INTAN-Coursera.